



**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN (KPKM)**

*Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security*
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA**

No. Tel : 03 – 8870 4426
Emel : ukk@dof.gov.my
Laman Web : <https://www.dof.gov.my>

**INSTITUT PENYELIDIKAN PERIKANAN
MENYOKONG DASAR TENAGA BOLEH BAHARU NEGARA 2010**

GLAMI LEMI, 7 SEPTEMBER 2023 - Jabatan Perikanan Malaysia menyokong Dasar Tenaga Boleh Baharu Negara 2010 atau Dasar Teknologi Hijau Negara bagi meningkatkan kapasiti penjanaan Tenaga Boleh Diperbaharui sehingga 20 peratus daripada kapasiti keseluruhan penjanaan tenaga elektrik menjelang 2025.

Usaha ini secara tidak langsung dapat mengurangkan pelepasan karbon daripada premis kerajaan dan menghasilkan bangunan yang cekap tenaga.

Yang Berbahagia Dato' Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia berkata, satu perjanjian iaitu **Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Diperbaharui (Supply Agreement with Renewable Energy, SARE)** telah dimeterai di antara Jabatan Perikanan Malaysia dan TNB melalui anak syarikatnya GSPARX pada hari ini. Panel solar dianggarkan boleh menjana kuasa maksimum sebanyak 572 kilowatt akan dipasang pada bumbung bangunan IPP Glami Lemi. Jabatan Perikanan mensasarkan **penjimatan tenaga sehingga RM6.7 juta bagi tempoh perjanjian selama 20 tahun dimana penjimatan tahun pertama dianggarkan sebanyak hampir RM130 ribu.**

Ini adalah merupakan penjimatan segera yang akan dinikmati oleh IPP Glami Lemi dan DOF tanpa mengeluarkankan sebarang kos pemasangan dan kos penyelenggaraan disamping dapat mengurangkan perbelanjaan kos bayaran utiliti bulanan.

Menurut beliau lagi, dengan pemasangan panel solar ini, Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami Lemi akan menjadi contoh rujukan kepada pejabat-pejabat di dalam Jabatan Perikanan.

Kebanyakan teknologi yang telah dibangunkan oleh IPP perlu menggunakan tenaga seperti penggunaan pam dan pengudaraan tetapi aplikasinya di lapangan tidak dapat direalisasikan kerana ketiadaan sumber elektrik. Justeru, pengenalan panel solar sebagai **sumber tenaga boleh diperbaharui** di dalam industri perikanan dijangka dapat menggalakkan lagi aktiviti penyelidikan dan penternakan di kawasan-kawasan yang sukar mendapat bekalan sumber elektrik.

Kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia dan TNB pada hari ini sangat sinonim kepada kedua-dua agensi yang menyokong kepada teknologi hijau dimana ia membawa ke arah mewujudkan kelestarian alam di samping menghasilkan produktiviti yang tinggi.

Ketua Pengarah Perikanan turut merasmikan **Hari Terbuka IPP Glami Lemi Tahun 2023** dan menyambut ulang tahun yang ke 66 penubuhan institut tersebut. Penganjuran hari terbuka ini memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan aktiviti penyelidikan perikanan air tawar yang dijalankan, serta mengeratkan hubungan di antara pihak Jabatan Perikanan bersama penternak dan pengusaha akuakultur yang menyumbang kepada bekalan ikan negara.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

Email : ukk@dof.gov.my; pro@dof.gov.my